

19 SEP 1998

Komanwel-Gimnastik (Khalid)

SKUAD GIMRAMA CATAT SATU LAGI SEJARAH

Oleh: Andrick Pengarah

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Kuala Lumpur '98 mengukir satu lagi sejarah bagi Malaysia dengan kejayaan rangkaian empat gimnas gimrama negara merangkul emas acara berpasukan hari ini.

Ketua Kontinjen Malaysia Datuk Khalid Yunus yang turut meraikan kejayaan gimnas negara itu menyifatkan kejayaan itu sebagai satu peristiwa gemilang bersejarah dalam arena sukan antarabangsa.

"Selain berazam untuk menganjurkan Sukan Komanwel dahulu, kita juga ingin mengukir sejarah dan membuat kejutan dalam acara yang dipertandingkan. Apa yang dicapai oleh skuad gimrama kita merupakan satu lagi catatan sejarah," katanya.

"Kejayaan gimnas gimrama kita sepatutnya memberi ransangan, dorongan dan pengaruh yang kuat kepada mereka pada acara perseorangan nanti," katanya.

Menurut Khalid lagi, kejayaan skuad gimnastik, menembak, tenpin boling, lumba basikal dan tinju merupakan satu petanda baik bahawa negara kita mula menyinar dalam acara selain badminton dan angkat berat yang menjadi sandaran mendapatkan pingat sebelum ini.

Skuad gimrama negara disandarkan kepada Thye Chee Kiat, Carolyn Au Yong, El Regina Tajudin dan Sarina Sundarajah.

Mereka memungut 93.023 mata meninggalkan Kanada dengan 92.962 mata dan Australia pingat gangsa dengan 92.937 mata.

Pingat-pingat disampaikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Khalid juga menggesa semua atlit negara supaya menunjukkan komitmen, dedikasi dan disiplin yang tinggi bagi mencapai kejayaan.

"Saya amat bangga dengan pencapaian atlit kita. Pada keseluruhannya, atlit kita telah menunjukkan kemampuan dan kebolehan mereka."

"Ini jelas bahawa pemilihan mereka untuk membawa cabaran negara adalah bertepatan," katanya.

-- BERNAMA

APG ZAB